

## **Memori Semalam**

Haifaa' Liyana Salim

Hari ini aku berada di sini lagi. Tidak pernah aku terfikir akan menjejakkan kakiku di sini semula. Setiap ceruk Sekolah Menengah Sains Muar menyimpan seribu satu kenangan terindahku mengakhiri zaman remajaku yang penuh warna-warni. Keadaannya tidak ubah seperti dulu. Cuma terdapat hanya beberapa perubahan kecil. Aku melabuhkan punggungku ke sebuah bangku sambil berfikir.

”Hari ini tidak ubah seperti dua tahun yang lalu.”

Sebentar lagi azan Subuh akan berkumandang. Hari ini hari Rabu, pasti Yazid yang akan melaungkan azan. Aku telah siap sedia di meja kamarku sambil menelaah peperiksaan yang akan aku hadapi hari bertuah ini. Aku merenung buku di hadapanku. ”Additional Math”. Melihat tajuknya sahaja sudah cukup membuatkan aku meremang bulu roma. Aku menyelak satu persatu halaman buku tersebut, mencari soalan-soalan yang sukar untuk dicuba. Semalam Amira telah memberitahuku bahawa topik ”Integration” mungkin banyak yang keluar hari ini.

”Ah, tak kisahlah! Selama ini dah berpuluh-puluh soalan dah aku jawab, buat apa nak peningkan kepala pagi-pagi buta ni.” Bebelku perlahan. Aku menutup kembali buku itu.

Azan subuh yang baru sahaja berkumandang sebentar tadi menambahkan lagi syahdu pagi yang dingin ini. Wani sudah siap betekekung untuk solat berjemaah di musollah. Aku segera bangkit untuk mengambil wuduk dan mencapai tekekungku di atas katil. Seperti biasa, aku solat di bahagian saf yang pertama.

”Woi, hari ini makan sedap! Kau tak nak pergi makan ke?” Aku menoleh ke arah Amira yang sudah lengkaapa berpakaian sekolah.

”Malaslah, nanti sakit perut lagi.” Jawabku

”Warga aspuri, sila kosongkan asrama sekarang.” Aku cukup kenal dengan suara itu.

”Lepasni mesti budak-budak aspuri lari tak cukup kaki nak sampai ke pintu pagar. Silap-silap ada yang tak pakai kasut.” Fikirku.

Aku berjalan tenang menuruni anak tangga asrama. Tiba-tiba aku terasa bagai dirempuh dari belakang.

”Tepi sikit, aku nak pergi amik stoking dekat ampaian!” Jerit Fatin. Nyaris aku terjatuh dari anak tangga kelima aras tiga blok C itu. Ikut hati ingin sahaja aku menjerit kembali kepada anak Dato’ Rasyid tu. Tapi tidak semua orang tidak tahu perangai anak bongsu daripada tiga adik-beradik itu. Hanya orang yang tidak ada kerja sahaja akan bergaduh dengan dia.

Matahari mula mengeluarkan sinaran indahna pagi itu. Aku menuju ke arah kantin bersama-sama Aisyah untuk melakukan persiapan terakhir untuk kertas Matematik Tambahan yang akan bermula dua jam dari sekarang. Ling menghampiriku.

”Hai Sal, tadi Akir kirim salam. Dia kata “good luck add math”. Aku hanya tersenyum memandangi Ling.

Sebentar kemudian Akir datang duduk betentangan dengan aku. Tanpa melihatnya, aku hanya meneruskan kerjaku menjawab soalan daripada buku teks terbitan fajar Bakti itu.

”Sal, jawabkan soalan ini. Tak tahulah.” Pinta Akir sambil meneguk air Nescafe yang dibelinya di kantin sekolah.

Aku mengambil kertas tersebut daripadanya dan membaca dengan teliti soalan yang ditunjukkan olehnya. Ketika bermain-main dengan pen yang berselerak di hadapanku, dengan tidak sengaja Akir melanggar tin Nescafe yang masih separuh penuh di hadapanku itu. Buku-buku di atas meja itu bertukar warna menjadi coklat. Lengan bajuku juga telah berbau air Nescafe.

”janganlah main, tengok apa dah jadi.” Marahku.

”Habis dah basah semua.”

Tanpa berlelah aku menuju ke tandas sebelum bajuku meresap warna coklat tersebut. Aku masuk ke dalam dewan peperiksaan dengan keadaan yang kurang selesa. Lengan bajuku yang basah itu dilipat sehingga ke siku.

Kertas soalan telah diedarkan lima minit yang lalu. Aku berselawat sebelum memulakan kira-kira untuk soalan pertama. Belum pun lima belas minit aku menjawab kertas itu, Puan Roziah datang membisikkan sesuatu ke telingaku. Aku menjadi tidak keruan. Pen yang dipegang sebentar tadi jatuh ke bawah kerusi. Aku

bangun dan berjalan pantas keluar dari dewan itu. Perjalanan ke pejabat sekolah terasa begitu lama dan jauh. Melihat kelibat ayahku membuatkan aku lebih tenang. Tetapi dari jauh, wajahnya cukup menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku. Air mata yang ditahan sejak dari tadi mencurah-curah tanpa kusedari. Aku mula pasrah.

Peristiwa hari itu masih segar dalam ingatanku. Memori 16 November tahun tersebut masih tersemat kukuh dalam sejarah hidupku. Dua hari lagi aku akan mengambil semula peperiksaan yang sepatutnya aku duduki dan perolehi kejayaan cemerlang dua tahun lalu. Cukup besar makna SPM tahun 2005 dalam lipatan hidupku. Kehilangan kedua-dua ibu dan kakakku sudah cukup merubah kehidupanku sepanjang dua tahun ini.